

22 Feb 2011 08:50pm



## KEBANGKITAN RAKYAT: Harapan untuk Demokrasi di Timur Tengah?

Dewan Perhimpunan Cina 22 Februari 2011  
KL-Selangor (Monorial Maharajalela) Selasa | 8pm

Anjuran: MerdekaReview, Free Public Forum, Pemuda KLSCAH

UTAMA ANALISA KOLUM KALEIDOSKOP PANDANGAN ESKLUSIF KHAS GALERI GAMBAR CARI 中文版 RSS

Utama > News > Khas



[Cetak](#) [Kongsi](#) Saiz Teks:

# RM1.64 bilion terbazir kerana air tidak terhasil pada 2009

Piarapakaran S | Feb 22, 2011 04:04:55 pm

Khas

Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) telah menjalankan kajian perangkaan untuk mengira kerugian kewangan yang disebabkan oleh air tidak terhasil (*Non-Revenue Water*, NRW). Kajian ini mengambil kira nilai-nilai seperti jumlah kehilangan air terawat, peratusan pengguna mengikut kategori dan purata tarif terendah mengikut kategori bagi setiap negeri. Mengikut Laporan *Malaysia Water Industry Guide* 2010, nilai purata NRW adalah 36.63% bagi tahun 2009 berbanding dengan 36.93% bagi tahun 2008. Jumlah kehilangan air terawat yang disebabkan oleh NRW adalah sebanyak 1.8 billion meter padu pada tahun 2009.

Pahang telah merekodkan nilai peratusan NRW yang tertinggi iaitu sebanyak 59.9% pada tahun 2009 di mana kehilangan air terawat sejumlah 200 juta meter padu telah direkodkan. Walau bagaimanapun, apabila perbandingan dilakukan berdasarkan kehilangan air terawat dalam meter padu, Selangor (termasuk Kuala Lumpur dan Putrajaya) masih berada di tangga teratas iaitu kehilangan air terawat sebanyak 465 juta meter padu pada tahun 2009 walaupun nilai peratusan NRW adalah sebanyak 32.49%. Ini adalah disebabkan Selangor mempunyai kuantiti penghasilan air terawat yang tertinggi di Malaysia.

Berpandukan kajian ini, jumlah kerugian kewangan di Malaysia yang disebabkan oleh NRW adalah sebanyak RM 1.62 billion pada tahun 2008 dan RM 1.64 billion pada tahun 2009. Maka, kerugian kewangan telah meningkat sebanyak RM 20 juta walaupun NRW telah berkurang sebanyak 0.3% di antara tahun 2008 dan tahun 2009.

Memandangkan Pahang telah mencatatkan peningkatan NRW, ia telah mencatatkan kerugian kewangan sebanyak RM 136.6 juta pada tahun 2009 berbanding dengan RM 120.1 juta pada tahun 2008. Ini bermakna Pahang telah merekod peningkatan kerugian kewangan sebanyak RM 16.5 juta dan peningkatan kerugian ini adalah



## Terkini

- [RM1.64 bilion terbazir kerana air tidak terhasil pada 2009](#)
- [Mahasiswa bangkit menempuh arus zaman!](#)
- [Saifuddin: Kegilaan dengan sasaran 30% ekuiti tidak selesaikan masalah](#)
- [SUARAM: Ketidakadilan pilihan raya jatuhkan lagi demokrasi kampus](#)
- [Secebis sebab Mengapa PAS-PR mestilah selamatkan ekonomi Melayu-Rakyat di negara ini!](#)
- [Merungkai kekeliruan myBALIKpulau](#)
- [Keceluaran PRK 2011: Khaled Nordin wajib letak jawatan](#)
- [Anwar: Malaysia terus terkebelakang berbanding jiran](#)
- [Pilihan Raya Kampus: PR mendesak untuk sistem yang adil](#)
- [Gegaran Medan Tahrir di dunia Islam dan Arab](#)

## Hangat

- [Dibedil gas dan air 20.000 bangkit anti-ISA](#)
- [Surat misteri terdedah?](#)
- [Penerbit letak jawatan, dedah ntv7 menerima aduan Rosmah](#)
- [Wanita ditembak polis tanpa sebab...](#)
- [Mat Sabu: Berterima kasih kepada Chin Peng Konco Khir Toyo disingkir PR mengawal sumber negeri](#)
- [Pembelian kapal selam: Bala dipanggil Polis Perancis](#)
- [Kuil Hindu di Kelantan](#)
- [Krnj PR Kedah mungkin terkubur](#)
- [Ibrahim Ali, PERKASA dan Ku Klux Klan](#)

## Galeri Gambar

[Selanjutnya](#)



[马力勿莱补选提名日](#)

yang tertinggi di Malaysia bagi tahun 2009.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa Selangor (termasuk Kuala Lumpur dan Putrajaya) telah mengalami kerugian kewangan sebanyak RM 582.3 juta pada tahun 2008 dan RM 558.0 juta pada tahun 2009 disebabkan oleh NRW. Walau bagaimanapun, Selangor (termasuk Kuala Lumpur dan Putrajaya) telah menjimatkan sebanyak RM 24.3 juta daripada pengurangan NRW iaitu pengurangan dari 33.95% pada tahun 2008 ke 32.49% pada tahun 2009. Penjimatan ini adalah tertinggi di Malaysia diikuti oleh Sabah dan Labuan. Sabah telah menjimatkan sebanyak RM 8.2 juta dan Labuan telah menjimatkan RM 1.03 juta pada tahun 2009.



Berdasarkan kajian AWER, jumlah pendapatan bagi sektor perkhidmatan air adalah RM 3.93 billion pada tahun 2009. Kerugian kewangan daripada kajian perangkaan yang disebabkan oleh NRW adalah hampir 41.7% dari jumlah pendapatan ini. Jika NRW boleh dikurangkan, ia akan meningkatkan pendapatan bagi sektor perkhidmatan air dan seterusnya meningkatkan kedudukan kewangan operator-operator air supaya operasi sektor ini lebih lestari.

AWER ingin menyeru Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) untuk menubuhkan jawatankuasa khas untuk memfokus dalam mengurangkan kadar NRW negara supaya dapat mencapai tahap NRW kurang daripada 20% menjelang tahun 2020. Untuk mencapai pengurangan yang efektif, Penunjuk Prestasi Utama (KPI) yang lebih tegas bagi operator air di Malaysia diperlukan. Ini kerana pengurangan NRW dapat mengurangkan kos perawatan dan bekalan air di mana ia akan dapat membantu untuk memberikan tarif air yang lebih adil kepada rakyat Malaysia. AWER juga ingin mencadangkan NRW menjadi komponen utama KPI dalam proses pelarasian tarif pada masa akan datang.

Pada masa yang sama, semua operator air mestilah dilesenkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA) supaya perbelanjaan modal projek-projek NRW in dapat di audit serta memperoleh pinjaman daripada PAAB. Ini bagi memastikan projek-projek ini tidak mempunyai kos yang tinggi disebabkan pinjaman komersil.

\*Piarapakaran S. ialah Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER).



sebelumnya:

[Saifuddin: Kegilaan dengan sasaran 30% ekuiti tidak selesaikan masalah](#)

seterusnya:

[Mahasiswa bangkit menempuh arus zaman!](#)



Merdeka Review BM  
Fans Club on Facebook



You like this. Unlike · Admin Page · Insights · E

You like this. Unlike · Admin Page · Insights · E

1,562 people like Merdeka Review BM Fans Club. 1,561 people like Merdeka Review BM Fans Club.



Facebook social plugin

## Kartun



[Selepas Tsunami \(With Mandarin Subtitles\)](#) from Pusat KOMAS on Vimeo.

## CARI Diy Day Banner

[Advertise here \(RM10/day\)](#)

[Advertise here \(RM10/day\)](#)

## CARI Diy Day Banner

[Kenali Kami](#) | [Hubungi Kami](#)

2005-2009©Knowledge Venture Sdn Bhd - 独立新闻在线. 版权所有  
[艾堤科技 I-Tea Technology 網站設計](#)  
Hosted by [Ipserverone.com](#)